A

Nik Hazrihairi bin Nik Kasim lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — RAYUAN JENAYAH NO KA-42R-1–03 TAHUN 2022 DAN KA-42(R)(A)-5–03 TAHUN 2022
MOHAMAD ABAZAFREE H
11 JULAI 2024

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu-perayu dituduh dengan empat pertuduhan di bawah s 24(2) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 — Sama ada pertuduhan-pertuduhan merupakan satu kemustahilan fakta dan undang-undang — Sama ada terdapat pengetahuan dan milikan ke atas

D

dokumen-dokumen palsu — Sama ada Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') terkhilaf apabila memutuskan bahawa pembelaan perayu pertama tidak membangkitkan keraguan munasabah — Sama ada HMS telah memberikan penghakiman beralasan — Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ss 2, 18, 24, 28

E

Ini adalah rayuan oleh dua perayu yang disabitkan dan dijatuhkan hukuman di bawah s 24(2) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Di dalam kes ini, perayu pertama berperanan mencari mana-mana orang yang ingin membeli kenderaan murah yang kononnya adalah kenderaan yang dilucuthak

F

oleh Kastam Diraja Malaysia (KDRM) atau Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan kemudiannya dokumen-dokumen palsu yang diperlukan akan diposkan kepada perayu kedua yang bekerja di JPJ Kulim. Perayu kedua kemudiannya akan menggunakan ID dan kata laluannya sendiri untuk memasukkan data-data yang diperlukan ke dalam sistem MySikap JPJ di JPJ Kulim untuk

G

mewujudkan sistem kenderaan-kenderaan tersebut sebagai kereta lucuthak KDRM dan di bawah nama Ketua Pengarah KDRM. Setelah selesai, perayu pertama akan membawa pembeli kereta ke JPJ Petaling Jaya untuk urusan tukar hakmilik kereta daripada Ketua Pengarah KDRM kepada nama pembeli yang baru. Tindakan perayu kedua telah dapat dikesan oleh penyelianya iaitu

H

SP9 pada bulan Julai 2016 selepas pemeriksaan ke atas laporan terperinci operator bersama-sama dokumen-dokumen dilakukan ke atas setiap kakitangan yang berkhidmat di kaunter JPJ. Semasa pemeriksaan tersebut SP9 telah mendapati terdapat laporan berlakunya beberapa transaksi pendaftaran kenderaan baru sebagai kenderaan lucuthak KDRM tetapi tiada dokumen

I

sokongan di dalam simpanan JPJ. SP9 menyedari bahawa JPJ Kulim tidak mempunyai autoriti untuk melakukan transaksi pendaftaran kereta baru bagi kenderaan lucuthak KDRM. Setelah semakan lanjut oleh SP9, beliau mendapati terdapat banyak transaksi lucuthak kenderaan KDRM yang dibuat di atas nama perayu kedua dan dari situ SP9 mengesyaki perayu kedua telah

menyalahgunakan IDnya untuk membuat pendaftaran lucuthak kenderaan KDRM memandangkan JPJ Kulim tidak mempunyai autoriti berbuat demikian. SP9 kemudiannya telah membuat laporan kepada ketuanya iaitu SP2 yang kemudiannya telah membuat laporan polis dan kes disiasat oleh SP3. Perayu pertama dan perayu kedua tidak mengaku salah dan memohon untuk dibicarakan. Diakhir kes pembelaan, HMS telah mensabitkan dan menjatuhkan hukuman tiga tahun penjara dan denda RM10,000 jika gagal bayar penjara lapan bulan untuk setiap semua pertuduhan. Terkilan, perayu-perayu telah memfailkan rayuan ini.

Diputuskan, menolak rayuan, mengekalkan sabitan dan hukuman mahkamah sesyen:

(1) Mahkamah telah meneliti pertuduhan pertama sehingga pertuduhan keempat yang dikenakan ke atas perayu pertama dan perayu kedua, yang mengemukakan dokumen palsu kepada ejen yang merupakan perayu kedua, bagi maksud mengelirukan prinsipalnya iaitu JPJ Kulim. Kedua-dua kesalahan tersebut adalah berasingan dan ianya walaupun berkait tetapi berdiri dengan secara sendiri. Perbuatan bagi pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan ke atas perayu pertama adalah lengkap sebaik perayu pertama mengemukakan dokumen palsu tersebut kepada ejen dan digunakan untuk mengelirukan prinsipal. Manakala perbuatan bagi pertuduhan-pertuduhan ke atas perayu kedua adalah lengkap sebaik perayu kedua menerima dokumen palsu serta menggunakannya untuk mengelirukan prinsipalnya. Bagi mahkamah, tidak timbul isu berkaitan perbuatan-perbuatan perayu pertama adalah kemudiannya diulangi di dalam pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan ke atas perayu kedua yang menjadikan ianya satu kemustahilan fakta dan undang-undang (lihat perenggan 26–29).

(2) Mahkamah bersetuju dengan pendekatan Tuan HMS bahawa secara menurut keadaannya, maka perayu pertama semestinya mempunyai pengetahuan berkaitan kandungan dokumen yang telah diserahkan olehnya. Sudah pasti perayu pertama mengetahui kandungan dokumen tersebut semasa perayu pertama mengarahkan SP30 untuk mengeposnya. Tambahan pula perayu pertama telah menyerahkan kepada SP30 dokumen-dokumen tersebut di dalam keadaan dibungkus untuk dikendalikan oleh SP30 dan meminta SP30 untuk hanya mengambil tindakan mengepos. Ini bagi pandangan mahkamah adalah memadai untuk dibuat satu inferens berkaitan pengetahuan perayu pertama ke atas dokumen-dokumen tersebut (lihat perenggan 44–45).

(3) Mahkamah berpandangan bahawa bagi kesemua pertuduhan yang dikemukakan ke atas perayu pertama, intipati yang perlu dibuktikan adalah perayu pertama telah memberikan dokumen-dokumen tersebut kepada perayu kedua di mana di dalam kes ini dilaksanakan melalui

pengeposan oleh SP30. Keterangan dengan jelas menunjukkan bahawa pendaftaran kenderaan tersebut telah dibuat oleh perayu kedua berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang dikemukakan melalui dokumen-dokumen palsu yang diserahkan oleh perayu pertama kepadanya. Oleh itu, kesalahan yang dilakukan oleh kedua-dua perayu adalah sempurna tanpa perlu dibuktikan bahawa mereka saling mengena. Mahkamah walau bagaimanapun berpandangan bahawa keterangan perayu pertama adalah sukar diterima. Ini kerana maklumat pengirim yang dinyatakan adalah nama perayu pertama dan bukannya seseorang bernama Kamarul. Perayu pertama juga telah dibuktikan sebagai penjual kereta dan pernah berurusan dengan pemilik-pemilik kereta. Di samping itu, mahkamah mendapati bahawa nama Kamarul hanya dibangkitkan semasa kes di peringkat pembelaan. Oleh itu, mahkamah berpandangan bahawa ia hanya satu penafian semata-mata (lihat perenggan 51, 55 & 57–58).

(4) Hujahan peguam perayu pertama adalah turut tertumpu kepada alasan penghakiman di akhir kes pendakwaan. Ia berdasarkan prinsip bahawa menjadi satu kewajipan hakim bicara untuk menyatakan secara jelas sama ada kesemua intipati telah dibuktikan. Namun, mahkamah sekali lagi menegaskan bahawa di peringkat ini bukanlah merupakan tugas mahkamah ini untuk menilai semula keterangan-keterangan di peringkat prima facie. Mahkamah ini tidak sewajarnya membuat keputusan ke atas apa yang telah diputuskan semasa rayuan pertama oleh YA Dato' Ghazali bin Cha (lihat perenggan 60–61).

[English summary

This was an appeal by two appellants who were convicted and sentenced under s 24(2) of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009. In this case, the first appellant's role was to find any person who wanted to buy a cheap vehicle which was purportedly a vehicle forfeited by the Royal Malaysian Customs ('RMC') or the Road Transport Department ('JPJ'). Then, the false documents would be posted to the second appellant working at JPJ Kulim. The second appellant would then use her own ID and password to enter the necessary data into the JPJ MySikap system at JPJ Kulim to declare the vehicles as RMC forfeited cars under the name of the Director General of RMC. Upon completion, the first appellant would take the car buyer to JPJ Petaling Jaya for the transfer of ownership of the car from the Director General of RMC to the name of the new buyer. The second appellant's action was traced by its supervisor, SP9, in July 2016 after an audit of the operator's detailed report along with the documents were carried out on every staff serving at the JPJ counter. During the audit, SP9 found that there were reports of several transactions of registration of new vehicles as RMC forfeited vehicles but there were no supporting documents in JPJ's possession. SP9 realised that JPJ Kulim did not have the authority to carry out new car registration transactions for

RMC forfeiture vehicles. Upon further investigation by SP9, he found that there were many RMC forfeited vehicle transactions made in the name of the second appellant and from there SP9 suspected that the second appellant had misused his ID to register the forfeiture of RMC vehicles as JPJ Kulim did not have the authority to do so. PW9 then lodged a report to his superior, PW2 who then lodged a police report and the case was investigated by PW3. The first and second appellants did not plead guilty and claimed their case to be tried. At the end of the defence case, sessions court judge ('SCJ') convicted and sentenced them to three years' imprisonment and a fine of RM10,000 in default eight months' imprisonment for each charges. Aggrieved, the appellants filed this appeal.

Held, dismissing the appeal; affirming SCJ's conviction and sentence:

(1) The court examined all four charges against the first and second appellants, where the first appellant submitted false documents to the agent who was the second appellant, for the purpose of misleading the principal, JPJ Kulim. The two offences were separated and even though they were related, they stood on their own. The actions in the charges on the first appellant were complete once the first appellant submitted the false documents to the agent and were used to mislead the principal. Meanwhile, the actions in the charges against the second appellant were complete once the second appellant received the false documents and used them to mislead the principal. For the court, there was no issue that the actions of the first appellant were subsequently repeated in the charges imposed on the second appellant which could make it factual and legal impossibility (see paras 26–29).

(2) The court agreed with the approach by SCJ that the first appellant had knowledge of the contents of the documents submitted by him. It was certain that the first appellant knew the contents of the document when the first appellant instructed the SP30 to post it. Furthermore, the first appellant had submitted to SP30 the packed to be handled by SP30 and requested SP30 to post it. The court was of the view that it was sufficient to make an inference based on these facts on the first appellant's knowledge of the documents (see paras 44–45).

(3) The court was of the view that for all four charges brought against the first appellant, the elements that had to be proved was that the first appellant had sent the documents to the second appellant which in this case was carried out through posting by SP30. The evidence clearly shown that the registration of the vehicle was made by the second appellant based on the information submitted by the first appellant through false documents submitted to him. Therefore, the offences committed by the two appellants were completed without having to be proved that they were mutually exclusive. The court, however, was of the view that the first

appellant's testimony was inadmissible. This was because the sender's information stated was the name of the first appellant and not a person named Kamarul. The first appellant had also been proven to be a car seller and had dealt with car owners. In addition, the court found that Kamarul's name was only raised during the case at the defence stage. Therefore, the court was of the view that it was merely a bare denial (see paras 51, 55 & 57–58).

(4) The first appellant's submission was also focused on the reasoning for the judgment at the end of the prosecution's case. It was trite that it was the duty of the trial judge to clearly state whether all elements in the charge had been proven. However, the court reiterated that it was not the duty of the court at this stage to re-evaluate the evidence at the prima facie level. This court should not have made a decision on what was decided during the first appeal by the Honourable Dato' Ghazali bin Cha (see paras 60–61).]

Cases referred to

Azmi bin Osman v Pendakwa Raya and another appeal [2015] MLJU 1289; [2015] 9 CLJ 845, MR (dirujuk)

Hj Abdul Rahim Hassan & Anor v PP [1997] MLJU 238, MT (dirujuk)

Johnny Uvang Ajeng v PP [2018] MLJU 2180; [2018] 1 LNS 2319, MT (dirujuk)

Mustapha Mawi v Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia [2015] CLJU 814; [2015] 1 LNS 814, MT (dirujuk)

Shahfiq bin Kharidan dan satu lagi lwn Pendakwa Raya [2022] MLJU 2857; [2022] 1 LNS 2645, MT (dirujuk)

Legislation referred to

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ss 2, 18, 24(2), 28

Morgan a/l Subramaniam (Nurul & Charan); Ang Chun Pun (CP Ang & Co) bagi pihak perayu.

Rehab bt Abdul Shukur (Timbalan Pendakwa Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) bagi pihak responden.

Mohamad Abazafree H:

PENDAHULUAN

[1] Kes ini adalah merupakan rayuan oleh kedua-dua perayu ke atas keputusan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen Alor Setar ('Tuan HMS') yang telah mensabitkan kedua-dua perayu terhadap empat pertuduhan berasingan kepada setiap perayu di bawah s 24(2) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). Kedua-dua mereka telah dihukum seperti berikut:

Bagi perayu pertama (Nik Hazrihairi bin Nik Kasim):

(a) tuduhan pertama — penjara tiga tahun mulai dari tarikh hukuman iaitu pada 9 Mac 2022 dan denda RM10,000. Jika gagal bayar, lapan bulan penjara;

(b) tuduhan kedua — penjara tiga tahun mulai dari tarikh hukuman iaitu pada 9 Mac 2022 dan denda RM10,000. Jika gagal bayar, lapan bulan penjara;

(c) tuduhan ketiga — penjara tiga tahun mulai dari tarikh hukuman iaitu pada 9 Mac 2022 dan denda RM10,000. Jika gagal bayar, lapan bulan penjara; dan

(d) tuduhan keempat — penjara tiga tahun mulai dari tarikh hukuman iaitu pada 9 Mac 2022 dan denda RM10,000. Jika gagal bayar, lapan bulan penjara.

Bagi perayu kedua (Nurul Hanim bin Abu Bakar):

(a) tuduhan pertama — penjara tiga tahun mulai dari tarikh hukuman iaitu pada 9 Mac 2022 dan denda RM10,000. Jika gagal bayar, lapan bulan penjara;

(b) tuduhan kedua — penjara tiga tahun mulai dari tarikh hukuman iaitu pada 9 Mac 2022 dan denda RM10,000. Jika gagal bayar, lapan bulan penjara;

(c) tuduhan ketiga — penjara tiga tahun mulai dari tarikh hukuman iaitu pada 9 Mac 2022 dan denda RM10,000. Jika gagal bayar, lapan bulan penjara; dan

(d) tuduhan keempat — penjara tiga tahun mulai dari tarikh hukuman iaitu pada 9 Mac 2022 dan denda RM10,000. Jika gagal bayar, lapan bulan penjara.

[2] Di peringkat pendakwaan, Tuan HMS pada asalnya telah melepas dan membebaskan kedua-dua perayu tanpa dipanggil membeladiri. Namun pihak PR telah memfailkan rayuan dan pada 3 September 2020, YA Hakim Datuk Ghazali bin Cha HMT (pada ketika itu) telah membenarkan rayuan pihak PR dan memerintahkan kedua-dua perayu membeladiri.

FAKTA KES

[3] Seramai 35 orang saksi di pihak PR telah dipanggil dan fakta kes secara amnya adalah perayu pertama berperanan mencari mana-mana orang yang ingin membeli kenderaan murah yang kononnya adalah kenderaan yang dilucuthak oleh Kastam Diraja Malaysia ('KDRM') atau Jabatan

Pengangkutan Jalan ('JPJ') dan kemudiannya dokumen-dokumen palsu yang diperlukan akan diposkan kepada perayu kedua yang bekerja di JPJ Kulim.

[4] Perayu kedua kemudiannya akan menggunakan ID dan kata laluannya sendiri untuk memasukkan data-data yang diperlukan ke dalam sistem MySikap JPJ di JPJ Kulim untuk mewujudkan sistem kenderaan-kenderaan tersebut sebagai kereta lucuthak KDRM dan di bawah nama Ketua Pengarah KDRM. Setelah selesai, perayu pertama akan membawa pembeli kereta ke JPJ Petaling Jaya untuk urusan tukar hakmilik kereta daripada Ketua Pengarah KDRM kepada nama pembeli yang baru.

[5] Tindakan perayu kedua telah dapat dikesan oleh penyelianya iaitu SP9 pada bulan Julai 2016 selepas pemeriksaan ke atas laporan terperinci operator bersama-sama dokumen-dokumen dilakukan ke atas setiap kakitangan yang berkhidmat di kaunter JPJ. Semasa pemeriksaan tersebut SP9 telah mendapati terdapat laporan berlakunya beberapa transaksi pendaftaran kenderaan baru sebagai kenderaan lucuthak KDRM tetapi tiada dokumen sokongan di dalam simpanan JPJ.

[6] SP9 menyedari bahawa JPJ Kulim tidak mempunyai autoriti untuk melakukan transaksi pendaftaran kereta baru bagi kenderaan lucuthak KDRM. Setelah semakan lanjut oleh SP9, beliau mendapati terdapat banyak transaksi lucuthak kenderaan KDRM yang dibuat di atas nama perayu kedua dan dari situ SP9 mengesyaki perayu kedua telah menyalahgunakan IDnya untuk membuat pendaftaran lucuthak kenderaan KDRM memandangkan JPJ Kulim tidak mempunyai autoriti berbuat demikian. SP9 kemudiannya telah membuat laporan kepada ketuanya iaitu SP2 yang kemudiannya telah membuat laporan polis sepertimana Kulim 7271/2016 dan ianya disiasat oleh SP3.

PEMBELAAN PERAYU-PERAYU

[7] Di dalam pembelaannya, perayu pertama menyatakan bahawa perayu pertama tidak pernah membawa apa-apa dokumen ke JPJ Seberang Jaya dan menafikan pernah terlibat di dalam urusan penukaran hakmilik kenderaan. Perayu pertama turut menyatakan bahawa dia tidak mengenali perayu kedua kerana tidak pernah ke JPJ Kulim. Sebaliknya perayu pertama mendakwa kawannya bernama Kamarul yang telah memintanya untuk mengepos sampul P62-P64 dan perayu pertama telah meminta SP30 iaitu Kodek untuk mengeposkan sampul-sampul tersebut.

[8] Perayu pertama menafikan pengetahuannya berkaitan kandungan sampul tersebut kerana ianya telah dimeteri oleh Kamarul.

[9] Pembelaan perayu kedua turut menafikan mengenali perayu pertama serta tidak pernah berurusan dengan perayu pertama sebelum ini. Perayu kedua menyatakan bahawa perayu kedua tidak mempunyai pengetahuan bahawa dokumen yang digunakan tersebut adalah palsu dan perayu kedua juga menyatakan tidak mengetahui Prosedur Tetap JPJ Kulim yang tidak mempunyai autoriti mendaftar kenderaan lucuthak KDRM.

[10] Perayu kedua turut menegaskan bahawa perayu kedua pernah menerima sampul P62-P64 namun tidak mengenali penama Kamarul. Bagi perayu kedua, dirinya turut ditipu kerana percaya ia dokumen yang sah.

[11] Tuan HMS telah meneliti pembelaan kedua-dua perayu dan di dalam alasan penghakimannya telah memutuskan seperti berikut:

> Mahkamah telah meneliti keseluruhan keterangan OKT 1 ini dan Mahkamah bersetuju dengan Penghujahan Pihak Pendakwaan bahawa keterangan beliau ini adalah penafian semata-mata terhadap kesemua keterangan Pihak Pendakwaan yang begitu banyak dan jelas melalui SP25, SP26, SP30 dan SP34.
>
> Tidak ada keterangan lain yang kukuh untuk menyokong keterangan beliau. Pembelaan ini adalah satu penafian yang ringkas dan di dalam keadaan yang begitu banyak bukti-bukti pendakwaan terhadap beliau. Mahkamah ini berpendapat bahawa penafian ini tidak membangkitkan apa-apa sebab munasabah terhadap kes Pendakwaan. Apatah lagi mengikut keterangan SP25, semua urusan penukaran telah dibuat oleh OKT 1 (perayu pertama).
>
> Keterangan-keterangan OKT 1 (perayu pertama) ini juga adalah bersifat *afterthought*. Fakta-fakta yang dibangkitkan oleh OKT 1 (perayu pertama) ini adalah satu pembelaan dan penafian yang tidak pernah dibangkitkan semasa kes pendakwaan dan semasa pemeriksaan balas SP25, SP26, SP30 dan SP34 banyak keterangan ini tidak dicabar dimana kegagalan untuk mencabar fakta-fakta penting di dalam kes Pendakwaan itu menunjukkan bahawa bukti-bukti telah diterima.
>
> ...
>
> Setelah meneliti keterangan pembelaan OKT 2 (perayu kedua) ini, Mahkamah juga membuat kesimpulan bahawa keterangan ini adalah penafian semata-mata tanpa sebarang bukti untuk menyokong versi beliau terhadap keterangan pendakwaan yang banyak dan kukuh.
>
> Mahkamah juga agak sukar untuk mempercayai keterangan OKT 2 (perayu kedua) bahawa beliau tidak pernah menerima P62-P64 dan beliau telah menegaskan bahawa ianya adalah sampul kosong dimana sampul-sampul ini dijumpai di rumah beliau. Ini memberi maksud bahawa sampul ini telah dibuka dan dikeluarkan kandungannya sebelum sampul ini diserahkan kepada beliau. Adalah tidak munasabah orang lain akan membuka sampul itu sekiranya namanya tertera di dalam sampul itu. Ini jelas menunjukkan bahawa OKT 2 (perayu kedua) ini cuba berbohong dan menyatakan fakta yang tidak benar bahawa beliau tidak menerima sampul dan kandungan sampul. Beliau telah membuka dan keluarkan kandungan sampul itu.

A Dalam keadaan ini, Mahkamah perlu berhati-hati dengan keterangan yang diberikan oleh OKT 2 (perayu kedua). Ini kerana percubaan untuk mengelirukan Mahkamah telah wujud.

Berdasarkan kepada keseluruhan keterangan yang ada, wujud satu kesepakatan antara OKT 1 (perayu pertama) dan OKT2 (perayu kedua) walaupun benar
B bahawa mereka tidak pernah berjumpa sebelum ini.

BIDANGKUASA RAYUAN MAHKAMAH DI PERINGKAT INI

C **[12]** Memandangkan mahkamah ini kini hanya mendengar rayuan di peringkat ini, bidangkuasa mahkamah ini hanyalah terhad ke atas kes pembelaan dan hukuman sahaja.

D **[13]** Pendirian mahkamah ini berpaksi kepada keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Azmi bin Osman v Pendakwa Raya and another appeal* [2015] MLJU 1289; [2015] 9 CLJ 845 yang telah memutuskan seperti berikut:

E [28] With respect, we are of the view that the learned HCJ2 had erred when he disturbed the findings of the earlier HCJ1 who had ordered the accused to enter on his defence to all the four charges, on appeal. The dominant issue that ought to guide the HCJ2's mind in dealing with a situation that has now become this preliminary issue must of necessity be the fact that when the HCJ1 made that decision for defence to be called, the latter was carrying out his appellate jurisdiction. Granted that the High Court jurisdiction is coordinate among its judges, inherent in that concept is the fact that a High Court judge cannot overrule
F another High Court judge who had made a decision at some crucial stage of proceedings in the same case. In the context of this appeal before us, the HCJ1 had ordered the accused's defence to be called to answer to the four charges levelled against him. The jurisdiction to correct that purported error, said by the HCJ2 as having been committed by the HCJ1, with respect, lies with the Court of Appeal,
G should there be an appeal against the decision of the HCJ2. In other words, as much as a High Court judge's decision does not bind his brother or sister judge on the High Court bench, by the same token, neither does it lie with his brother or sister judge of the High Court to overturn his decision in the same case. In a situation now prevailing in this case, the role of the HCJ2 is only limited to see whether the
H defence evidence as led has succeeded in creating a reasonable doubt in the prima facie case as found by the HCJ1 on appeal by the prosecution. With respect, this must be preferred position as to what the proper approach ought to be, as was employed by the Court of Appeal in *Sulaiman*'s case. Coordinate jurisdiction connotes parity and as such, it does not admit nor permit mutual overriding or overruling each other's decision. Only a higher appeal court can disturb or vary or
I affirm a High Court's decision.

[14] Mahkamah Rayuan menegaskan bahawa mahkamah ini sebagai Mahkamah Tinggi yang kedua, tidak wajar membuat apa-apa ulasan mengenai dapatan dan keputusan yang telah di buat oleh Mahkamah Tinggi yang

pertama memandangkan mahkamah ini mempunyai bidangkuasa yang sama. Sebaliknya Mahkamah Rayuan yang sepatutnya mempunyai bidang kuasa untuk membuat keputusan yang sewajarnya berkait suatu keputusan Mahkamah Tinggi secara keseluruhannya.

ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN

[15] Di dalam rayuan ini, terdapat beberapa isu yang telah dibangkitkan untuk pertimbangan mahkamah ini seperti berikut:

(a) sama ada pertuduhan-pertuduhan ke atas kedua-dua perayu adalah merupakan satu kemustahilan fakta dan undang-undang (*factual and legal impossibility*);

(b) sama ada perayu pertama mempunyai pengetahuan dan milikan ke atas dokumen-dokumen palsu di P62, P63 dan P64;

(c) sama ada Tuan HMS terkhilaf apabila memutuskan bahawa pembelaan perayu pertama tidak membangkitkan keraguan munasabah; dan

(d) sama ada Tuan HMS telah memberikan penghakiman beralasan.

ANALISIS DAN DAPATAN MAHKAMAH

Isu (1): Sama ada pertuduhan-pertuduhan ke atas kedua-dua perayu adalah merupakan satu kemustahilan fakta dan undang-undang (factual and legal impossibility)

[16] Isu ini melibatkan perayu kedua sahaja di mana peguam perayu kedua menghujahkan bahawa perayu kedua telah dituduh di bawah s 18 Akta 694 dan bagi kedua-dua perayu, dokumen yang dipaksikan oleh pihak PR adalah ke atas dokumen-dokumen yang sama dan melibatkan four kenderaan yang sama.

[17] Untuk rekod, hujahan yang sama telah dibangkitkan serta dipertimbang oleh YA Dato' Ghazali bin Cha yang merupakan YA Hakim Mahkamah Tinggi yang mendengar rayuan pertama oleh pihak PR. Ini dapat dilihat melalui nota keterangan di Mahkamah Tinggi semasa itu sepertimana yang ditunjukkan oleh Puan TPR di dalam hujahannya. Di dalam nota keterangan tersebut dinyatakan keputusan YA Hakim adalah seperti berikut:

> Keputusan
>
> Setelah saya meneliti rekod rayuan dan juga membaca alasan penghakiman dan hujah-hujah oleh kesemua pihak, saya berpuas hati membenarkan rayuan oleh perayu (SPRM) atas alasan-alasan seperti berikut;

Di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia di mana kedua-dua Responden dituduh adalah berbunyi seperti berikut;

Seorang yang melakukan kesalahan jika dia memberi seorang egen atau sebagai seorang ejen dia menggunakan dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya apa-apa resit akaun atau dokumen lain yang berkenaan dengannya, principal itu mempunyai kepentingan dan yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan palsu atau silap atau tidak lengkap tentang apa-apa butir yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

Saya juga bersetuju di bawah Seksyen 18 ini, terdapat dua cabang yang terpakai kepada pertuduhan terhadap responden 1 dan pertuduhan terhadap responden 2. Saya merujuk pada kes yang dirujuk oleh Timbalan Pendakwa Raya iaitu kes *Mustapha Mawi lwn SPRM 1* [LNS] 814. Dimana dinyatakan:

> To prove the case under Section 11(c) of the Anti Corruption Act 1997 which is pari materia to Section 18 MACC Act 2009, the Prosecution only need to prove the following ingredients.
>
> (a) That the accused used a document in respect of which his principal was interested;
>
> (b) That the document contained a statement which was false in a material particular;
>
> (c) That the accused knew that the statement was false in a material particular and that he intended it to mislead the principal, and
>
> (d) That when the accused used the document he knowingly used such document with intent to deceive his principal.
>
> (See *Yahaya Abdullah v Public Prosecutor* [1991] 1 CLJ 398).

Berdasarkan kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan, saya berpuas hati setiap *ingredient* penting termasuk elemen *knowledge* kedua-dua Responden telahpun dibuktikan oleh pihak pendakwaan atau pihak perayu. Sama ada secara *direct evidence* ataupun secara *circumstancial evidence*. Keterangan SP32 iaitu pegawai JPJ yang diberi kuasa untuk mendaftarkan kenderaan lucuthak Kastam bagi Negeri Kedah dengan jelas mengatakan dokkumen-dokumen yang diperlukan seperti yang telah diberikan oleh responden pertama kepada responden kedua adalah tidak lengkap. Khususnya ketiadaan suratan pengesahan lucuthak kenderaan di bawah Akta Kastam 1997 dan juga tiada surat iringan oleh pegawai kastam Negeri Kedah yang diberikan kuasa untuk berurusan dengan JPJ serta dengan salinan kad pengenalan pegawai tersebut.

Hakim mahkamah sesyen disini telah tersalah arah di dalam membuat perintah *acquitted and discharge* tersebut. Hakim mahkamah sesyen juga di dalam Alasan Penghakiman beliau telah tidak membincangkan merits kes ini dan gagal menyatakan samada pihak perayu dalam membuktikan setiap *ingredient* di bawah s 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Seterusnya, hakim mahkamah sesyen juga telah gagal menilai dengan maksima keseluruhan keterangan saksi-saksi pendakwaan sebelum membuat keputusan beliau. Oleh itu, mahkamah ini berpuas hati daripada keseluruhan keterangan saksi-saksi pendakwaan bahawa satu kes

prima facie telah berjaya dibuktikan terhadap kedua-dua OKT, kedua-dua responden dengan ini dipanggil membela diri pada satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian di hadapan hakim mahkamah sesyen yang sama.

[18] Premis hujahan peguam perayu kedua adalah perbuatan pemerdayaan ke atas JPJ Kulim telah disempurnakan melalui pertuduhan-pertuduhan ke atas perayu pertama sehingga menyebabkan kenderaan-kenderaan tersebut telah didaftarkan melalui sistem MySikap di JPJ Kulim. Pertuduhan-pertuduhan ke atas perayu pertama juga pada hujahan Peguam perayu kedua menunjukkan bahawa perayu kedua juga adalah merupakan pihak yang diperdayakan oleh perayu pertama.

[19] Memandangkan perayu kedua sebagai ejen telah menerima dokumen-dokumen tersebut, maka dihujahkan bahawa ianya diterima bagi pihak JPJ Kulim yang merupakan prinsipal kepada perayu kedua. Oleh itu, apabila perayu kedua menerima dokumen tersebut sebagai ejen kepada JPJ Kulim, maka keduanya adalah diperdayakan memandangkan perayu kedua juga tidak mengetahui bahawa ianya satu pemerdayaan oleh perayu pertama. Apatah lagi, JPJ Kulim bukanlah orang semulajadi (*natural person*) sebaliknya satu entiti undang-undang yang berfungsi melalui para penjawat awam yang bekerja di bawahnya termasuk perayu kedua.

[20] Peguam perayu kedua melanjutkan hujahannya dengan menegaskan bahawa perayu kedua tidak lebih dari merupakan Penolong Pentadbir bergred N36 di JPJ Kulim yang menjalankan tugas bagi pihak JPJ Kulim. Oleh itu, adalah janggal apabila perayu kedua dituduh memperdayakan JPJ Kulim sedangkan perayu kedua turut dihujahkan sebagai terpedaya di atas perbuatan perayu pertama. Ini kerana tidak mungkin bagi perayu kedua memperdayakan JPJ sedangkan perbuatan pemerdayaan ini mengikut pertuduhan-pertuduhan ke atas perayu pertama dilakukan oleh perayu pertama.

[21] Hujahan ini disimpulkan dengan membawa perhatian mahkamah ini bahawa perayu kedua bukanlah dituduh secara bersama-sama maupun dituduh sebagai orang yang bersubahat (*abettor*) di bawah s 28 Akta 694. Sebaliknya kesemua pertuduhan tersebut adalah secara berasingan dan hanya dibicarakan bersama-sama. Di dalam keadaan sedemikian, maka dihujahkan niat melakukan jenayah (*criminal intent*) yang dimiliki oleh perayu pertama sekiranya terbukti sekalipun adalah tidak relevan kepada perayu kedua.

[22] Memulakan analisis isu ini, mahkamah ini menurunkan s 18 Akta 694 seperti berikut:

> Seseorang melakukan kesalahan jika dia memberi seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen dia menggunakan, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang berkenaan dengannya prinsipal itu

mempunyai kepentingan, dan yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap atau tidak lengkap tentang apa-apa butir matan, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

[23] Di dalam menafsirkan s 18 tersebut, mahkamah berpandangan bahawa terdapat dua kesalahan yang diwujudkan iaitu:

(a) kesalahan pertama:

Mana-mana orang yang memberi seseorang ejen apa-apa resit, akaun atau dokumen yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap atau tidak lengkap dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya, untuk mengelirukan prinsipalnya.

(b) *kesalahan kedua:*

Mana-mana ejen yang menggunakan apa-apa resit, akaun atau dokumen yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap atau tidak lengkap dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya, untuk mengelirukan prinsipalnya.

[24] Perkataan ejen dan prinsipal telah ditafsirkan di bawah s 2 Akta 694 seperti berikut:

> 'ejen' ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh atau bertindak bagi seorang lain, dan termasuklah pegawai badan awam atau yang berkhidmat dalam atau di bawah mana-mana badan awam, pemegang amanah, pentadbir atau wasi pusaka seseorang yang sudah mati, subkontraktor, dan mana-mana orang yang diambil kerja oleh atau yang bertindak bagi pemegang amanah, pentadbir atau wasi, atau subkontraktor itu
>
> 'prinsipal' termasuklah mana-mana majikan, mana-mana benefisiari di bawah sesuatu amanah, mana-mana estet amanah, mana-mana orang yang mempunyai kepentingan benefisial dalam pusaka seseorang yang sudah mati, pusaka seseorang yang sudah mati, dan, dalam hal mana-mana orang yang berkhidmat dalam atau di bawah sesuatu badan awam, badan awam itu;

[25] Dengan kata yang lain, bagi kes ini, kesalahan ke atas perayu pertama adalah kerana telah memberi seorang ejen sesuatu dokumen yang palsu dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya dan mengelirukan prinsipalnya. Manakala kesalahan ke atas perayu kedua adalah sebagai ejen yang telah menggunakan sesuatu dokumen yang palsu dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya dan mengelirukan prinsipalnya.

[26] Yang jelas dan dipersetujui di dalam kes ini, prinsipalnya adalah JPJ Kulim manakala ejen adalah merupakan perayu kedua yang merupakan seorang penjawat awam di JPJ Kulim iaitu seorang Penolong Pegawai Tadbir bergred 32.

[27] Oleh itu, apabila mahkamah ini meneliti pertuduhan pertama sehingga pertuduhan keempat yang dikenakan ke atas perayu pertama, ia adalah sebagai seseorang yang mengemukakan dokumen palsu kepada ejen yang merupakan perayu kedua, bagi maksud mengelirukan prinsipalnya iaitu JPJ Kulim. Mahkamah turut meneliti pertuduhan pertama sehingga pertuduhan keempat yang dikenakan ke atas perayu kedua dan mendapati bahawa ianya adalah bagi kesalahan berkaitan menggunakan dokumen palsu tersebut untuk mengelirukan prinsipalnya iaitu JPJ Kulim.

[28] Kedua-dua kesalahan tersebut adalah berasingan dan ia walaupun berkait tetapi berdiri dengan secara sendiri. Perbuatan bagi pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan ke atas perayu pertama adalah lengkap sebaik perayu pertama mengemukakan dokumen palsu tersebut kepada ejen dan digunakan untuk mengelirukan prinsipal. Manakala perbuatan bagi pertuduhan-pertuduhan ke atas perayu kedua adalah lengkap sebaik perayu kedua menerima dokumen palsu serta menggunakannya untuk mengelirukan prinsipalnya.

[29] Bagi mahkamah, tidak timbul isu berkaitan perbuatan-perbuatan perayu pertama adalah kemudiannya diulangi di dalam pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan ke atas perayu kedua yang menjadikan ianya satu kemustahilan fakta dan undang-undang.

[30] Di dalam kes *Mustapha Mawi v Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia* [2015] CLJU 814; [2015] 1 LNS 814 telah diputuskan seperti berikut:

> To prove the case under s 11(c) of the Anti-Corruption Act 1997 which is pari materia to s 18 MACC Act 2009, the Prosecution only need to prove the following ingredients:
>
> (a) that the accused used a document in respect of which his principal was interested;
>
> (b) that the document contained a statement which was false in a material particular;
>
> (c) that the accused knew that the statement was false in a material particular and that he intended it to mislead the principal; and
>
> (d) that when the accused used the document he knowingly used such document with intent to deceive his principal.
>
> (See *Yahaya Abdullah v Public Prosecutor* [1991] 1 CLJ 398)

[31] Mahkamah turut tidak bersetuju ke atas hujahan peguam perayu kedua bahawa pihak PR tidak menuduh perayu sebagai orang yang bersubahat di

bawah s 28 Akta 694 dan elemen niat jenayah kedua-dua perayu perlu dibuktikan.

[32] Mahkamah berpandangan, kesalahan ke atas perayu pertama dan kesalahan ke atas perayu kedua adalah dua kesalahan yang berbeza walaupun ia melibatkan fakta yang sama dan berkait. Oleh yang demikian tidak timbul isu persubahatan serta niat jenayah.

[33] Sehubungan dengan itu, mahkamah tidak bersetuju dengan hujahan peguam perayu kedua dan memutuskan bahawa pertuduhan-pertuduhan ke atas perayu kedua bukanlah satu kemustahilan fakta dan undang-undang. Isu ini adalah tidak bermerit.

Isu (2): Sama ada perayu 1 mempunyai pengetahuan dan milikan ke atas dokumen-dokuemn palsu di P62, P63 dan P64

[34] Peguam perayu pertama menghujahkan bahawa Tuan HMS di akhir kes telah gagal untuk mempertimbangkan pembelaan utama perayu pertama berkaitan pengetahuannya serta milikannya ke atas dokumen-dokumen yang menjadi subjek kepada pertuduhan-pertuduhan ke atas perayu pertama iaitu P62, P63 dan P64. Asas hujahan peguam adalah keterangan perayu pertama perlu dibandingkan dengan keterangan-keterangan dari saksi PR iaitu SP25, SP26, SP30 dan SP34.

[35] Menurut peguam perayu pertama, tiada keterangan bagi menunjukkan perayu pertama telah menghantar dokumen-dokumen tersebut kepada perayu kedua. Oleh itu adalah tidak munasabah untuk Tuan HMS memutuskan perayu pertama mempunyai pengetahuan dan milikan terhadap dokumen-dokumen tersebut.

[36] Perayu pertama semasa memberi keterangan telah menafikan pengetahuan serta pemilikannya ke atas dokumen-dokumen tersebut. Malahan menurut perayu pertama, dokumen-dokumen tersebut tidak pernah dilihat olehnya. Asas Tuan HMS dan pihak PR telah mengaitkan nombor-nombor telefon perayu pertama yang terdapat pada slip-slip pengirim adalah bagi hujahan peguam perayu pertama sebagai tidak memadai.

[37] Peguam perayu pertama telah menghujahkan bahawa pembelaan perayu pertama ini bukanlah satu penafian kosong semata-mata dan ianya adalah konsisten sepanjang kes pembelaan. Ia sepatutnya diterima oleh Tuan HMS serta boleh menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas keseluruhan kes.

[38] Tuan HMS di dalam alasan penghakimannya telah menolak pembelaan

ini yang secara asasnya menyatakan bahawa ia merupakan satu penafiaan semata-mata dan juga suatu yang difikirkan terkemudian. Ini kerana keterangan SP25, SP26, SP30 dan SP34 tidak dicabar terutamanya di bahagian-bahagian yang penting.

[39] Di peringkat hujahan di hadapan mahkamah ini pun, peguam perayu pertama tidak menunjukkan di bahagian mana fakta-fakta berkaitan pengetahuan perayu pertama ini telah disoal semasa pemeriksaan balas ke atas SP25, SP26, SP30 dan SP34 sehingga menyebabkan pembelaan perayu pertama tidak sewajarnya dianggap sebagai penafian kosong maupun pembelaan yang difikirkan terkemudian.

[40] Ini menyebabkan mahkamah ini perlu untuk menilai keterangan-keterangan yang dikemukakan. Ianya telah dilaksanakan oleh mahkamah ini dan merumuskan seperti berikut:

(a) menurut keterangan SP30, perayu pertama telah meminta bantuannya untuk mengepos dokumen-dokumen tersebut kepada perayu kedua dengan menggunakan nombor telefon perayu pertama;

(b) maklumat-maklumat berkaitan nombor telefon perayu pertama adalah terpapar pada kesemua dokumen yang telah digunakan tersebut;

(c) dokumen-dokumen ini diberikan secara pos kepada perayu kedua yang merupakan seorang ejen bagi pihak JPJ Kulim; dan

(d) perayu pertama adalah merupakan seorang penjual kereta dan ini disahkan oleh SP25.

[41] Apa yang perlu dibuktikan oleh pihak PR adalah perbuatan perayu pertama yang telah memberi dokumen-dokumen tersebut kepada perayu kedua yang kemudiannya telah digunakan untuk mendaftarkan kereta-kereta tersebut.

[42] Apa yang dimaksudkan sebagai 'memberi' pernah dibincangkan di dalam kes *Hj Abdul Rahim Hassan & Anor v Public Prosecutor* [1997] MLJU 238 di mana Hakim Mohd Ghazali HMT (pada ketika itu) telah menyatakan seperti berikut;

> Be that as it may, I am of the view that the dates referred to in the charges against the first apppellant cannot be material as it is not an essential part of the alleged offences.
>
> What is in issue here is that the first appellant 'gave' to the Director of JPJ documents which he knew contained false particulars.
>
> His letters were addressed to the JPJ and its deputy director (PW1), who handled such matters, gave his approval for the registration of the said three vehicles after

A certain formalities were complied with. PW1 had acted upon the said letters not knowing that they contained statements which are false in material particulars, viz., the statement that the person named therein was the succesful bidder/purchaser of the vehicle identified therein at an auction of unclaimed vehicles conducted by the police on the date specified was false in a material particular.

B The evidence have shown that the first appellant had personal knowledge that those letters contained false statements and which were intended to mislead the JPJ — he knew they were false as he was instrumental in supplying those particulars to PW9 for the latter to prepare the said three letters.

C His subsequent conduct and actions, viz., instructing PW9 and PW10 to come to his residence and consequently instructing them to prepare the LMAF files for the said three vehicles, such files being nonexistent when the said three letters were signed by him, clearly showed that he knew that the contents of those letters were false in a material particular.

D In their evidence, both PW9 and PW10 admitted that they falsified three existing LMAF files by substituting their subject matter and contents and that they embarked upon such an exercise on the first appellant's instructions.

The charge against the first appellant is that he 'gave' those letters to the Director of JPJ, Johor — it is not the prosecution's case that he personally handed those letters.

E In the context of the section, I would think that the word 'gives' found in s 4(c) of the Act would be wide enough to include any act of submitting, sending, forwarding or despatching.

According to the *Concise Oxford Dictionary* (9th Ed) the word 'give', inter alia, means transfer, hand over or communicate.

F

Coming back to the question as to whether a date is important in a criminal charge, Thomson LP in *Ho Ming Siang v Public Prosecutor* [1966] 1 MLJ 252 ; [1966] CLJU 68; [1966] 1 LNS 68 said:

> With regard to the first of these charges, the dates are wrong and the charge was
G not amended but, as was pointed out in *Law Kiat Liang v Public Prosecutor* [1995] 3 CLJ 411*this is without importance.*

As was said by Atkin J in the case of *R v Severo Dossi* [1918] 13 Cr App R 158, 159:

> From time immemorial a date specified in an indictment has never been a material matter unless it is actually an essential part of the alleged offence.

H

[43] Bagi mahkamah keterangan-keterangan oleh saksi-saksi PR telah membuktikan perlakuan perayu pertama yang telah memberi perayu kedua secara pos dokumen-dokumen tersebut terutamanya melalui keterangan SP30.
I Keterangan SP30 adalah tidak dicabar dan kukuh.

[44] Berdasarkan keterangan ini, maka mahkamah ini bersetuju dengan pendekatan Tuan HMS bahawa secara ikut keadaannya, maka perayu pertama semestinya mempunyai pengetahuan berkaitan kandungan dokumen yang

telah diserahkan olehnya. Sudah pasti perayu pertama mengetahui kandungan dokumen tersebut semasa perayu pertama mengarahkan SP30 untuk mengeposnya.

[45] Tambahan pula perayu pertama telah menyerahkan kepada SP30 dokumen-dokumen tersebut di dalam keadaan dibungkus untuk dikendalikan oleh SP30 dan meminta SP30 untuk hanya mengambil tindakan mengepos. Ini bagi pandangan mahkamah ini memadai untuk dibuat satu inferens berkaitan pengetahuan perayu pertama ke atas dokumen-dokumen tersebut.

[46] Satu lagi isu iaitu di dalam pembelaannya, perayu pertama telah membangkitkan berkaitan seorang yang bernama 'Kamarul'. Namun mahkamah mendapati perkara ini hanya berbangkit semasa kes di peringkat pembelaan. Ini pada pandangan mahkamah jelas suatu penafian kosong dan pemikiran terkemudian.

[47] Adalah menjadi satu prinsip perundangan yang jelas bahawa elemen pengetahuan adalah dibuktikan melalui keterangan-keterangan mengikut keadaan dan oleh itu apa yang dilaksanakan oleh Tuan HMS adalah tepat dan peguam perayu pertama tidak berjaya menunjukkan sebarang kekhilafan yang telah berlaku.

Isu 3: Sama ada Tuan HMS terkhilaf apabila memutuskan bahawa pembelaan perayu pertama tidak membangkitkan keraguan munasabah

[48] Terdapat tiga perkara yang menjadi hujahan peguam perayu pertama berkaitan isu ini. *Pertamanya* berkaitan pendaftaran lucuthak kenderaan dilakukan sebelum P62, P63 dan P64 diterima oleh perayu kedua. Ini kerana pendaftaran kenderaan-kenderaan tersebut adalah pada 16 Februari 2016 sedangkan sampul hanya diterima pada 31 Mei 2016, 14 April 2016 dan 22 Mac 2016.

[49] Mahkamah mendapati bahawa SP30 telah diminta oleh perayu pertama untuk mengepos dokumen-dokumen tersebut dan SP30 telah mengecam tiga slip pengeposan di P64 bertarikh 19 Mac 2016, di P63 bertarikh 12 April 2016 dan di P62 bertarikh 28 Mei 2016. Dokumen-dokumen inilah yang telah digunakan oleh perayu kedua untuk membuat pendaftaran kenderaan-kenderaan tersebut.

[50] Manakala keterangan SP21 menunjukkan bahawa P62 diterima pada 31 Mei 2015 manakala P63 diterima pada 14 April 2016 dan P64 diterima pada 22 Mac 2016. Tarikh-tarikh ini konsisten dengan tarikh pendaftaran lucuthak KDRM bagi kenderaan-kenderaan tersebut.

[51] Bagi pandangan mahkamah, bagi kesemua pertuduhan yang dikemukakan ke atas perayu pertama, intipati yang perlu dibuktikan adalah perayu pertama telah memberikan dokumen-dokumen tersebut kepada perayu kedua di mana di dalam kes ini dilaksanakan melalui pengeposan oleh SP30.

[52] *Keduanya* peguam perayu pertama menghujahkan bahawa perayu pertama telah membuktikan bahawa perayu pertama tidak mengenali perayu kedua dan perayu pertama sendiri tidak pernah pergi ke JPJ Kulim. Ini dengan sendirinya membuktikan bahawa tiadanya satu kesepakatan di antara kedua mereka. Oleh itu, dihujahkan bahawa perayu pertama tidak terlibat dengan proses memasukkan data-data dalam dokumen-dokumen yang kononnya dikatakan milik perayu pertama. Peguam telah merujuk kepada kes *Johnny Uvang Ajeng v Public Prosecutor* [2018] MLJU 2180; [2018] 1 LNS 2319.

[53] Mahkamah mendapati bahawa keterangan ini mula dibangkitkan semasa perayu pertama memberi pemeriksaan utama dan keterangan-keterangan saksi PR turut tidak menunjukkan secara keterangan secara langsung bahawa wujudnya persepakatan di antara perayu pertama dan perayu kedua.

[54] Walau bagaimanapun mahkamah berpandangan bahawa isu utama adalah apakah hubungan atau kaitan di antara perayu pertama dengan perayu kedua. Soal sama ada perayu pertama mengenali perayu kedua adalah suatu yang tidak relevan.

[55] Keterangan dengan jelas menunjukkan bahawa pendaftaran kenderaan tersebut telah dibuat oleh perayu kedua berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang dikemukakan melalui dokumen-dokumen palsu yang diserahkan oleh perayu pertama kepadanya. Oleh itu, kesalahan yang dilakukan oleh kedua-dua perayu adalah sempurna tanpa perlu dibuktikan bahawa mereka saling mengenali.

[56] Isu yang *ketiga* adalah ketiadaan keterangan yang menunjukkan bahawa perayu pertama ada menyerahkan P62, P63 dan P64 tersebut kepada perayu kedua. Adalah dihujahkan oleh Peguam bahawa perayu pertama sepanjang perjalanan perbicaraan telah menyatakan bahawa hanya membantu kawannya iaitu Kamarul untuk mengirimkan dokumen-dokumen tersebut. Namun pada hari tersebut, disebabkan tugas lain, tugas tersebut telah diberikan kepada SP30.

[57] Mahkamah walaubagaimanapun berpandangan bahawa keterangan perayu pertama adalah sukar diterima. Ini kerana maklumat pengirim yang

dinyatakan adalah nama perayu pertama dan bukannya Kamarul. Perayu pertama juga telah dibuktikan sebagai penjual kereta dan pernah berurusan dengan pemilik-pemilik kereta.

[58] Di samping itu, mahkamah mendapati bahawa nama Kamarul hanya dibangkitkan semasa kes di peringkat pembelaan. Oleh itu, mahkamah berpandangan bahawa ia hanya satu penafian semata-mata.

[59] Berkaitan hujahanpeguam perayu pertama berkenaan nilai suapan, mahkamah berpandangan bahawa ia bukanlah intipati yang perlu dibuktikan. Perkara ini pernah disentuh di dalam kes *Hj Abdul Rahim Hassan & Anor v Public Prosecutor* seperti berikut:

> The law is settled that there is no necessity for the prosecution to prove that the person accused of an offence under s 4(c) received or enjoyed any kind of monetary benefit.
>
> In *Nadimuthu v Public Prosecutor* [1973] 1 MLJ 74; [1972] CLJU 96; [1972] 1 LNS 96 cited earlier, Ong Hock Sim FJ referred to the case of *Sage v Eicholz* [1919] 2 KB 171, a case under the UK Prevention of Corruption Act 1906 which is almost identical to our Act. With regard to the equivalent of our s 4(c) of the Act, Bray J said:
>
> > Then the third paragraph in the statement of the offence created by it contains no reference to corruption.
> >
> > The word 'corruptly' which is used in the first two paragraphs is deliberately omitted from the third ... The word 'knowingly' is deliberately used in that paragraph instead of the word 'corruptly,' and 'knowingly' does not necessarily involve any element of corruption.
> >
> > The substitution of the word 'knowingly' was probably made because of the great difficulty of proving corruption, and it was thought advisable in a case of the kind dealt with in that paragraph to make the act an offence whether it was done corruptly or not.'

Isu (d): Sama ada Tuan HMS telah memberikan penghakiman beralasan

[60] Hujahan peguam perayu pertama adalah turut tertumpu kepada alasan penghakiman di akhir kes PR. Ia berdasarkan prinsip bahawa ia menjadi satu kewajipan hakim bicara untuk menyatakan secara jelas sama ada kesemua intipati telah dibuktikan. Peguam telah merujuk kepada keputusan di dalam kes *Shahfiq bin Kharidan dan satu lagi lwn Pendakwa Raya* [2022] MLJU 2857; [2022] 1 LNS 2645.

[61] Namun mahkamah sekali lagi menegaskan bahawa di peringkat ini bukanlah merupakan tugas mahkamah ini untuk menilai semula keterangan-keterangan di peringkat prima facie. Mahkamah ini tidak

A sewajarnya membuat keputusan ke atas apa yang telah diputuskan semasa rayuan pertama oleh YA Dato' Ghazali bin Cha.

KESIMPULAN

B **[62]** Berdasarkan analisis ini, mahkamah memutuskan bahawa tiada alasan yang bermerit bagi mahkamah ini untuk mengkaji semula keputusan Tuan HMS.

[63] Sehubungan itu, rayuan ini adalah ditolak. Sabitan dan hukuman Tuan C HMS adalah dikekalkan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Muhamad Azham Marwan

D

E

F

G

H

I